

Isu-isu Syariah dalam Kontrak Hadapan Pertukaran Mata Wang Asing

[*Shariah Issues in Forex Exchange Forward Contracts*]

BITARA

Volume 7, Issue 3, 2024: 165-177
© The Author(s) 2024
e-ISSN: 2600-9080
http://www.bitarajournal.com
Received: 30 June 2024
Accepted: 30 August 2024
Published: 15 September 2024

Muhammad Izzuddin Yassin Rizalman, Azlin Alisa Ahmad
& Nor Qamal Danial Mohd Safuan¹

1 Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: azlinalisa@ukm.edu.my

*Corresponding Author: azlinalisa@ukm.edu.my

Abstrak

Kajian ini membincangkan pasaran pertukaran mata wang asing atau *forex exchange (FX)*, khususnya instrumen *FX Forward* yang semakin popular dalam perdagangan antarabangsa. Walaupun *FX Forward* penting untuk lindung nilai, terdapat isu-isu syariah yang menjejaskan keharusannya dalam Islam serta masih kurang kajian yang terperinci mengenai struktur pelaksanaan dan isu-isu syariah dalam *FX Forward*. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti struktur pelaksanaan *FX Forward* dalam perbankan konvensional dan menganalisis isu-isu syariah yang berlaku dalam transaksi tersebut. Metodologi kajian adalah berdasarkan kajian kualitatif dan melibatkan kajian analisis kandungan. Hasil dari kajian ini mendapati *FX Forward* mempunyai struktur dan tujuan yang berbeza jika dibandingkan dengan instrumen yang lain. Selain itu juga, terdapat isu-isu syariah yang dikenal pasti termasuk masalah *qabd*, *gharar*, *riba*, *bay' al-kali bi al-kali* dan elemen *maysir*. Implikasi kajian ini adalah penting bagi institusi kewangan Islam dan cendekiawan Syariah memandangkan ia menyediakan analisis terhadap isu syariah berkaitan transaksi *FX Forward*, yang berpotensi dalam perkembangan masa hadapan berkenaan instrumen derivatif Islam.

Kata kunci: Isu Syariah, Derivatif, *FX Forward*, al-Sarf

Abstract

: This study discusses the foreign exchange (FX) market, specifically focusing on the *FX Forward* instrument, which is increasingly popular in international trade. Although *FX Forward* is important for hedging, there are Shariah issues affecting its permissibility in Islam, and there is still a lack of detailed research on its implementation structure and associated Shariah issues. Therefore, this study aims to identify the implementation structure of *FX Forward* in conventional banking and analyze the Shariah issues that occur in such transactions. The research methodology is based on a qualitative approach involving content analysis. The findings of this study reveal that *FX Forward* has a different structure and purpose compared to other derivative instruments. Additionally, several Shariah issues have been identified, including problems related to *qabd* (possession), *gharar* (uncertainty), *riba* (usury), *bay' al-kali bi al-kali* (sale of debt for debt), and elements of *maysir* (gambling). The implications of this study are significant for Islamic financial institutions and Shariah scholars, as it provides a comprehensive analysis of the Shariah concerns surrounding *FX Forward* transactions, potentially guiding future developments in Islamic derivative instruments.

Keywords: Shariah Issues, Derivatives, *FX Forward*, al-Sarf

Cite This Article:

Muhammad Izzuddin Yassin Rizalman, Azlin Alisa Ahmad & Nor Qamal Danial Mohd Safuan. (2024). Isu-isu Syariah dalam Kontrak Hadapan Pertukaran Mata Wang Asing [Shariah Issues in Forex Exchange Forward Contracts]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(3): 165-177.

Pengenalan

Pasaran pertukaran mata wang asing atau *forex exchange (FX)* merupakan sebuah platform global untuk proses jual beli mata wang dari negara-negara berbeza. Ini termasuklah aktiviti di mana pengimport membeli mata wang asing untuk menyelesaikan pembayaran import, serta pengeksport yang harus menukar penerimaan mereka dari mata wang asing ke mata wang domestik (Bank Negara Malaysia, 1999). Transaksi dalam pasaran pertukaran mata wang asing melibatkan pertukaran antara mata wang tempatan dan mata wang asing yang berlainan dengan pasaran yang hanya terlibat dengan mata wang tempatan sahaja (Mohidin Yahya, 1994). Kontrak FX ini mempunyai beberapa jenis transaksi utama yang ditawarkan oleh bank-bank konvensional, iaitu *FX Spot*, *FX Forward* dan *FX Swap* yang semuanya bertujuan untuk memenuhi keperluan pelanggan dan mengurus mata wang di dalam institusi perbankan mereka (Rahman e tal.,2017).

Pasaran hadapan atau *forward* ialah kontrak terawal yang wujud dalam sejarah manusia. Selain itu, *forward* juga dikenali sebagai kontrak antara dua pihak untuk melaksanakan suatu transaksi pada masa hadapan tetapi harganya telah ditetapkan pada hari ini. Spesifikasi, harga, kuantiti dan kualiti telah ditetapkan dan telah dipersetujui bersama. Dalam hal ini, harga yang telah disepakati tidak akan berubah walau apa pun yang berlaku pada harga semasa transaksi dilaksanakan (Obiyatulla Ismath Bacha, 2003). Transaksi pasaran hadapan mata wang asing atau lebih dikenali sebagai *FX Forward* merupakan proses pertukaran mata wang asing antara dua entiti berdasarkan kadar pertukaran yang disepakati untuk pelaksanaan di masa depan, iaitu lebih dari dua hari bekerja selepas jangka waktu penyelesaian transaksi *FX Spot*. Tempoh penyelesaian untuk transaksi ini kebiasaannya dilakukan dalam satu bulan, dua bulan, tiga bulan, enam bulan, atau hingga dua belas bulan dari tanggal transaksi. Ringkasnya, transaksi tersebut dikategorikan sebagai *FX Forward* apabila waktu penyelesaiannya melebihi dua hari bekerja (Cornelius, t.t.). Kajian didahulukan dengan perbincangan terhadap pernyataan masalah, metodologi kajian, sorotan literatur, struktur *FX Forward*, isu syariah di dalamnya dan diakhiri dengan kesimpulan.

Pernyataan Masalah

Pertukaran mata wang asing sangat diperlukan apabila melibatkan aktiviti import dan eksport yang menggunakan mata wang yang berbeza. Melalui kajian-kajian sebelum ini, para sarjana kewangan Islam kontemporari mula membincangkan kontrak, pelaksanaan dan pengoperasian instrumen dalam pasaran derivatif sejak awal tahun 80-an sehingga 90-an (Mohd Hafiz Mohd Dasar & Azlin Alisa Ahmad, 2019). Kajian-kajian lepas juga dilihat lebih tertumpu kepada pasaran derivatif secara umum seperti pelaksanaan dan operasi perjalanan produk *futures*, *swap* dan opsiyen. Kontrak *FX Forward* dilihat penting terutama bagi perniagaan antarabangsa bagi

mengelakkan risiko pembayaran yang tidak tentu pada masa hadapan (John C. Hull, 2006a) juga bertujuan untuk lindung nilai kerana mereka sentiasa terdedah kepada risiko kadar tukaran wang asing (Ronald Macdonald, 1993). Walau bagaimanapun, pertukaran mata wang asing khususnya *FX Forward* ini terdapat isu-isu syariah yang menjejaskan keharusannya dalam Islam (Azlin Alisa Ahmad et al., 2012). Menurut (Ibn al-Mundhir et al., 1999) kesemua ulama juga telah bersepakat secara ijmak bahawa akad yang dilakukan tanpa mematuhi prinsip *al-sarf* akan menatijahkan akad yang *fasid*. Walaupun sebahagian kajian telah menyentuh berkaitan isu-isu syariah yang berlaku (Nadhirah Nordin & Asmak Ab. Rahman 2011) namun ianya tidak tertumpu secara langsung kepada kontrak *FX Forward* secara khusus. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti struktur pelaksanaan *FX Forward* dalam perbankan konvensional dan seterusnya menganalisis isu-isu syariah yang berlaku dalam *FX Forward* dalam perbankan konvensional.

Metodologi Kajian

Metodologi penyelidikan merupakan kerangka kerja umum yang menjelaskan bagaimana suatu kajian akan dilakukan untuk memperoleh data yang tepat atau hampir tepat, serta menghasilkan penemuan penelitian yang bermutu. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan. Reka bentuk kajian ini digunakan untuk memahami konsep kontrak *FX Forward*. Di samping itu, metode ini turut digunakan untuk mengetahui struktur pelaksanaan *FX Forward*, fungsi *FX Forward* dan kegunaannya. Selain itu, kajian ini akan mendapatkan kepastian terhadap kepatuhan syariah kontrak *FX Forward* ini. Hasil kajian akan digunakan bagi mengenal pasti penyelesaian untuk masalah isu-isu syariah di dalam kontrak *FX Forward*.

Kaedah penganalisisan data pula dibuat secara deskriptif melalui rujukan buku terdahulu dan semasa, artikel, jurnal dan kamus digunakan. Analisis data deskriptif ini akan memberikan pemahaman yang lebih mendalam terhadap kepatuhan transaksi mata wang asing hadapan terhadap prinsip-prinsip syariah, sekaligus memberikan dasar yang kukuh bagi penulisan mengenai aspek hukum dan etika dalam pertukaran mata wang asing dalam konteks syariah.

Sorotan Literatur

Kontrak derivatif merupakan instrumen kewangan yang masih menimbulkan perbahasan di kalangan sarjana Islam. Kajian oleh Nadhirah Nordin dan Asmak Ab. Rahman (2011) mendapati bahawa terdapat perselisihan pendapat mengenai keharusan kontrak derivatif, terutamanya yang melibatkan aset dasar yang dipertikaikan seperti komoditi, mata wang dan indeks campuran. Perbezaan pendapat ini berpunca daripada tafsiran yang berbeza terhadap hadis dan pemahaman tentang kontrak derivatif itu sendiri. Pakar kewangan Islam kontemporari seperti Ahmad Muhayyuddin Hasan (1986), Abu Sulayman (1996) dan Taqi Usmani (1999) berpandangan bahawa pasaran derivatif konvensional ini tidak dibenarkan dalam syarak atas sebab berlakunya isu-isu syariah seperti *gharar*, perjudian dan riba.

Beberapa isu syariah utama yang sering dibangkitkan dalam kontrak derivatif ialah riba, *gharar*, perjudian dan spekulasi. Dari aspek riba, Taqi Usmani (1999) berpendapat bahawa kontrak derivatif yang berasaskan kadar faedah adalah haram kerana jelas melibatkan riba. Tambahan pula, elemen riba juga wujud apabila penangguhan penyerahan dua pertukaran mata wang dilakukan pada masa hadapan yang mana dilihat bertentangan dengan *bay al-sarf* yang menjadi penanda aras dalam pertukaran mata wang Islam.

Isu *gharar* pula timbul kerana subjek kontrak tidak wujud ketika kontrak dimeterai dan wujudnya penangguhan penyerahan barang serta pembayaran Khan (1998), Fahim (1995), Kamali (1996), Taqi Usmani (1999), Obaidullah (1998). Begitu juga menurut Abdul Rahman (2003) yang mengatakan sebilangan besar pakar kewangan Islam menidakkan keharusan derivatif disebabkan elemen ketidakpastian yang berlaku dalam transaksi. Hal ini disebabkan isu yang berlaku merupakan transaksi yang menyamai larangan dalam hadis Nabi Muhammad berkaitan *bay al-ma'dum* iaitu jual beli yang tidak dimiliki oleh penjual dan perkara ini dilihat berlaku apabila aset pertukaran dalam pasaran hadapan sebenarnya tidak wujud dan pertukaran tersebut tidak berlaku dengan sebenar. Di samping itu, ketidakharusan ini juga adalah disebabkan kontrak derivatif tersebut tidak mematuhi syarat kontrak *salam* dan wujudnya penangguhan barangan dan pembayaran (Majmak Akademi Fiqh Islam kali ke-7).

Walau bagaimanapun, sesetengah sarjana seperti Mohd Daud Bakar (1998) dan Obaidullah (2001) berpendapat bahawa *gharar* dalam kontrak derivatif moden tidak berlebihan kerana kewujudan rumah penjelasan dan bursa sebagai pengawal selia. Kewujudan sistem kewangan masa kini yang kompleks dan tersusun dapat menafikan berlakunya elemen *gharar* yang melampau hanya disebabkan barang yang tidak wujud semasa akad atau barang tersebut tidak ada dalam pemilikan penjual. Walaupun sebelum ini Obaidullah (1998) berpandangan bahawa pasaran derivative ini mengandungi *gharar* yang melampau, akan tetapi menurut beliau juga, elemen *gharar* yang melampau berlaku apabila berlakunya spekulasi untung atau rugi pasaran yang akan mendatangkan kemungkinan kemungkiran apabila berada posisi rugi. Pandangan ini juga selari dengan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia bahawa selagi mana pasaran ini dikawal selia oleh pihak ketiga dan transaksi berlaku secara sistematik maka elemen *gharar* yang melampau tidak akan wujud (Kamali, 1996).

Berkaitan isu perjudian, Al-Suwailem (2006) dan Daud Bakar (2008) berpendapat bahawa pasaran derivatif mengandungi unsur *zero-sum game* di mana keuntungan satu pihak adalah berdasarkan kerugian pihak lain. Hal ini dilihat mempunyai elemen pertaruhan nasib kerana bergantung kepada harga pasaran yang mana apabila berlakunya turun naik harga pasaran, jika harga pasaran meningkat maka pihak yang membeli pada kadar yang rendah akan mendapat keuntungan manakala bagi pihak yang membeli pada harga yang tinggi sewaktu pasaran tinggi akan mengalami kerugian. Namun yang demikian, pandangan ini ditolak oleh Obiyathullah (1999) yang juga selari dengan pandangan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti (2006) bahawa perubahan harga bukanlah disebabkan faktor nasib semata-mata akan tetapi ia bergantung kepada harga pasaran aset pendasar.

Isu spekulasi pula dibangkitkan oleh Abdul Rahim al-Saati (2003) yang menyatakan bahawa kebanyakan kontrak derivatif tidak melibatkan penyerahan fizikal barang sebenar serta pelabur hanya berminat pada perubahan harga dan pelabur akan mengakhirkannya sebelum tempoh matang. Spekulasi merupakan suatu perkara yang perlu dibuang dan tidak diharuskan

bagi memastikan kelangsungan ekonomi yang stabil (Muhammad Akram Khan 1998). Transaksi seperti ini juga tidak diharuskan oleh Taqi Usmani (1999) kerana setiap pelabur dalam pasaran derivatif ini hanya bertujuan untuk mendapatkan keuntungan dari perubahan harga dan tidak bertujuan untuk melakukan penyerahan barang.

Walau yang demikian, hal ini dilihat berbeza menurut Mohd Daud Bakar (2008) bahawa elemen spekulasi tidak dapat dielakkan dalam pasaran derivatif dan perkara ini dibenarkan selagi mana ia dikawal selari dengan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti yang mencadangkan terhadap keperluan pengawasan peserta pasaran supaya elemen spekulasi dapat dikurangkan. Dalam hal ini Smolarski (2006) juga berpandangan bahawa kontrak derivatif merupakan kontrak yang bertujuan sebagai lindung nilai bukannya spekulasi. Menurut Nor Fahimah dan Azlin Alisa (2008) menyatakan bahawa pakar kewangan Islam yang tidak mengharuskan spekulasi adalah disebabkan oleh terdapat elemen perjudian. Namun begitu, tidak semua spekulasi memiliki elemen perjudian kerana hanya spekulasi yang melampau sahaja yang mengandungi elemen perjudian manakala spekulasi yang tidak dapat dielakkan tidak dikira sebagai perjudian

Secara keseluruhan, para sarjana terbahagi kepada dua kelompok dalam isu kontrak derivatif. Sarjana seperti Taqi Usmani (1999) menolak sepenuhnya keharusan pasaran derivatif konvensional atas alasan wujudnya isu-isu syariah. Sebaliknya, sarjana seperti Mohamad Hashim Kamali (2000) dan Mohd Daud Bakar (2007) berpendapat bahawa kontrak derivatif boleh diterima selagi aset pendasarnya dibenarkan oleh syariah.

Tumpuan kepada penulisan ini adalah berkaitan *FX Forward* yang merupakan salah satu dari instrumen derivatif yang semakin popular. *FX Forward* memainkan peranan penting dalam strategi lindung nilai, terutamanya dalam konteks perdagangan antarabangsa. Lindung nilai merupakan salah satu cara bagi pengurusan risiko yang bertujuan mengurangkan potensi kerugian akibat ketidakstabilan harga komoditi, nilai mata wang, atau sekuriti (Metzger, 2009a). Kepentingan instrumen lindung nilai bukan sahaja terhadap kepada pengurangan risiko, tetapi juga meliputi pengurangan kos, penstabilan harga komoditi dan perlindungan daripada kerugian besar.

Dalam arena perdagangan antarabangsa, risiko tukaran mata wang menjadi kebimbangan utama bagi pengeksport dan pengimport. Wan Mansor (1993) menjelaskan bahawa pengeksport yang menjangkakan pembayaran dalam mata wang asing terdedah kepada risiko penyusutan nilai mata wang tersebut. Sebaliknya, pengimport berdepan dengan risiko peningkatan kos pembayaran jika mata wang tempatan menyusut berbanding mata wang asing.

Obiyathulla (2000) menekankan bahawa perdagangan antarabangsa sangat bergantung kepada keupayaan menukar mata wang pada kos yang rendah untuk memaksimumkan keuntungan. Tambahan pula, tempoh antara penghantaran invois dan pembayaran dalam transaksi antarabangsa menjadikan lindung nilai satu keperluan untuk mengurangkan keterdedahan kepada risiko tukaran wang asing.

Apabila sesebuah transaksi itu melibatkan mata wang, maka syariah telah mengenakan garis panduan khusus bagi urusan niaga ini iaitu berdasarkan konsep *al-sarf*. Menurut majoriti ulama, *al-sarf* merupakan urusan niaga jual beli mata wang sama jenis atau berlainan jenis (Ibn Abidin, 1992). Menurut Akademi Fiqh Islam Antarabangsa (1986) di bawah naungan *Organisation of Islamic Cooperation (OIC)* menyatakan hukum mata wang yang digunakan

dalam kehidupan seharian ini termasuk di dalam hukum emas dan perak. Hal ini selari dengan ketetapan *Majma' al-Fiqh al-Islami al-Dawli* (2015) yang menyatakan bahawa wang kertas adalah mata wang yang sempurna dan tertakluk kepada hukum-hukum emas dan perak, termasuk hukum riba, zakat, dan salam. Oleh itu, transaksi ini perlulah mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh *al-sarf*. Antara syarat-syarat yang perlu dipatuhi apabila melibatkan pertukaran mata wang ialah perlu mematuhi persamaan (*tamathul*) kuantiti kerana lebih melibatkan pertukaran item ribawi yang sama jenis akan menatijah *riba' al-fadhl* yang dilarang oleh syarak. Selain itu, urusan niaga pertukaran mata wang ini juga tidak boleh melibatkan *khiyar syart* kerana kewujudannya akan menyebabkan sesebuah akad itu menjadi *fasid*.


Kebanyakan kajian sebelum ini memberi tumpuan kepada aspek syariah dalam pasaran derivatif secara umum dan pendapat para fuqaha mengenai instrumen kewangan ini. Namun, kajian ini mempunyai fokus yang lebih khusus, iaitu menganalisis pelaksanaan dan struktur operasi pertukaran mata wang asing melalui kontrak *forward*, serta meneliti isu-isu syariah yang timbul dalam penggunaannya. Tambahan pula, berkaitan perbincangan mengenai konsep *al-sarf*, kebanyakan perbincangan oleh ulama-ulama terdahulu adalah berkisar urusan niaga *al-sarf* yang bersifat tradisional sahaja tanpa menyentuh urusan niaga pertukaran mata wang yang dipraktikkan pada zaman ini. Maka, kajian ini akan menyentuh beberapa pandangan dari ulama kontemporari khusus terhadap kontrak hadapan mata wang asing atau *FX Forward*.

Struktur Pelaksanaan *Fx Forward* dalam Institusi Perbankan

Terdapat dua jenis utama pasaran hadapan (*forward*) iaitu pasaran hadapan komoditi dan pasaran pertukaran asing. Pasaran hadapan komoditi mempunyai banyak kelemahan dari segi pelaksanaannya, tambahan dengan kewujudan pasaran niaga hadapan di dalam pasaran derivatif mengurangkan lagi populariti pasaran ini (Obiyatullah, 2003). Manakala *FX Forward* merupakan sebuah kontrak yang sangat popular pada masa kini. Hal ini disebabkan perkembangan teknologi komputer dan telekomunikasi yang memudahkan transaksi dibuat serta meningkatkan lagi keefisienan (John C. Hull, 2006).

FX Forward merupakan kontrak pertukaran antara dua mata wang yang dilakukan pada hari ini sedangkan penyerahan mata wang akan dilaksanakan pada masa akan datang. Kadar pertukaran ditentukan semasa kontrak dibuat, namun penyerahan dilakukan pada masa akan datang (Azlin Alisa Ahmad, 2020). Penggunaan kontrak *FX Forward* boleh digambarkan contohnya apabila bank di Malaysia mahu membayar kepada pengeksport di Amerika sebanyak USD 1 juta ketika mana kadar pertukaran sekarang adalah contohnya RM4.50 bagi satu dolar. Kemudian, pada masa akan datang, nilai antara USD dan MYR boleh naik turun. Sekiranya harga USD naik berbanding Ringgit Malaysia, maka kerugian akan berlaku terhadap bank pembayar dan sekiranya USD jatuh maka kerugian akan berlaku di pihak penerima di Amerika. Kedua-dua pihak akan memasuki pasaran hadapan tukaran wang asing bagi menetapkan kadar tukaran wang pada masa sekarang. Konsep *FX Forward* ini dilihat mempunyai persamaan dengan konsep hadapan komoditi di mana kontrak tidak distandardkan serta urusan niaga dilakukan tidak melalui bursa atau lebih dikenali sebagai *over-the-counter* (OTC) (John C. Hull, 2006).

Hari penyelesaian urus niaga *FX Forward* ini pada kebiasaannya dilakukan pada sebulan, 2 bulan, 3 bulan, 6 bulan atau 12 bulan ke hadapan. Dengan kata lain, setiap penyelesaian yang melebihi dua hari bekerja dikira sebagai *FX Forward* (Cornelius Luca, 2000). Hal ini bagi memastikan kedua-dua pihak tidak terkesan dengan pertukaran nilai mata wang yang tidak menentu dan seterusnya memastikan tukaran pada masa hadapan terjamin dengan nilai tukaran yang dipersetujui. Rajah berikut menunjukkan ilustrasi operasi pelaksanaan instrumen *FX Forward*.



Rajah 1: Operasi Pelaksanaan Instrumen *FX Forward*

1. Sewaktu tempoh transaksi dilaksanakan, pihak pelanggan dan bank bersetuju dengan menetapkan kadar pertukaran mengikut kadar pertukaran hari ini untuk diserahkan pada masa akan datang. Pihak pelanggan memerlukan tukaran USD dengan nisbah USD 1.00 bersamaan RM 4.5 pada waktu tersebut dan pihak pelanggan akan menerima RM 4.5 juta manakala pihak bank akan menerima USD 1 juta pada masa akan datang.
2. Setelah tiba hari penyelesaian yang kebiasaannya dilakukan sebulan, 2 bulan, 3 bulan, 6 bulan atau 12 bulan ke hadapan, berdasarkan kontrak yang telah dimeterai, kedua-dua pihak akan melaksanakan pertukaran. Pihak pelanggan menerima RM 4.5 juta dari bank manakala pihak bank akan menerima USD 1 juta dari pihak pelanggan walaupun kadar pertukaran semasa ketika itu sudah berubah sama ada menaik atau menurun.

Melalui rajah di atas, fungsi utama instrumen *FX Forward* adalah sebagai alat lindung nilai, terutama bagi perdagangan antarabangsa yang melibatkan wang asing. Salah satu kaedah pengurusan risiko adalah lindung nilai yang bermatlamat untuk mengurangkan risiko serta mengesahkan kebarangkalian ditimpa kerugian disebabkan oleh ketidaktentuan dan ketidakstabilan mata wang. Instrumen ini juga dilihat penting dalam mengurangkan perubahan harga, meminimumkan kadar kos dan melindungi dari terdedahnya kepada risiko yang lebih besar (Metzger, 2009b).

Pelanggan yang memiliki mata wang asing iaitu Dolar Amerika ingin mengelakkan dari terdedah kepada risiko kejatuhan nilai mata wang asing pada masa akan datang. Pada masa yang sama, pelanggan juga masih belum mempunyai tujuan untuk menggunakan mata wang

asingnya. Oleh itu, pihak pelanggan akan memasuki kontrak *FX Forward* dengan melakukan transaksi pertukaran mata wang asingnya kepada mata wang Ringgit Malaysia dengan kadar pertukaran pada masa kontrak dimeterai. Kemudian, pada tempoh tersebut juga, kedua-dua pihak akan menetapkan kadar pertukaran untuk akan datang dan juga tarikh pertukaran akan dilaksanakan. Jika kadar pertukaran mata wang pada akan datang meningkat dari kadar pertukaran yang dipersetujui maka pelanggan telah mendapat keuntungan manakala sekiranya kadar pertukaran menurun pada masa akan datang, pelanggan mengalami kerugian namun masih pada kadar yang minimum.

Isu Syariah dalam Pelaksanaan *Fx Forward*

Melalui kontrak *FX Forward* yang diamalkan oleh perbankan konvensional, terdapat beberapa isu syariah yang menjejaskan keharusan kontrak ini antaranya ialah isu *qabd*, *gharar*, *bay al-ma'dum*, *riba*, *bay' al-kali bi al-kali* dan *maysir*.

Qabd

Isu utama yang sering dibahaskan berkaitan transaksi *FX Forward* ini ialah isu *qabd*. Isu yang melibatkan pertukaran mata wang ini juga menyebabkan transaksi ini dikritik oleh pakar kewangan Islam semasa. Mereka berbeza pandangan dalam menentukan keharusan transaksi ini sama ada *FX Forward* ini mematuhi kehendak syariah atau tidak. Kontrak *FX Forward* dilihat tidak memenuhi syarat *qabd* yang disepakati oleh ilmuwan sebagai syarat bagi melaksanakan transaksi yang melibatkan akad *al-sarf* (Abu Sattar Abbu Ghuddah, 2007). Hal ini kerana pertukaran mata wang dengan mata wang yang lain secara serahan bertanggung menyalahi apa dibenarkan oleh syarak. Apa yang berlaku dalam urusan ini adalah dua pihak menukarkan mata wang asing tertentu berdasarkan kadar yang telah dipersetujui untuk diserahkan pada masa akan datang dan hal ini bertentangan dengan sebuah hadis Nabi Muhammad SAW:

ولا تبيعوا منها غائبا بناجز

“Maksudnya: Janganlah kamu menukar barangan yang ada dengan barangan yang tiada.” (Hadis Riwayat al-Bukhari: 2177)

Hadis ini menunjukkan larangan Rasulullah SAW terhadap jual beli sesuatu yang ada dengan sesuatu yang tiada. Dalam konteks perbincangan ini, subjek jual beli tersebut adalah mata wang, larangan ini dapat dikaitkan bahawa tidak boleh melakukan jual beli mata wang yang ada dengan mata wang yang tiada sewaktu majlis penyerahan dilaksanakan. Jika kedua mata wang yang ingin ditukarkan tiada sewaktu majlis, maka sudah pasti ia juga ditegah dan termasuk dalam larangan hadis itu.

Gharar

Di samping itu, larangan dalam hadis di atas berkaitan jual beli sesuatu yang tidak wujud juga akan menjadikan sesuatu urusan itu mempunyai elemen ketidakjelasan atau lebih dikenali sebagai *gharar*. Larangan khusus urusan yang mempunyai unsur *gharar* ini juga bertepatan dengan hadis Rasulullah SAW, dari Abu Hurairah berkata:

نهى رسول الله عن بيع الحصة، وعن بيع الغرر

Maksudnya: “Rasulullah SAW melarang jualan dengan melempar batu dan jualan yang mempunyai unsur *gharar*.” (Hadis Riwayat Muslim: 1513)

Gharar wujud dalam kontrak *FX Forward* apabila subjek akad tidak ada sewaktu akad dipersetujui. Hal ini berlaku apabila kedua pihak bersetuju untuk melakukan pertukaran mata wang pada masa akan datang walaupun subjek akad tidak wujud sewaktu persetujuan akad itu berlaku. Transaksi seperti ini juga dikenali sebagai *bay al-ma'dum* yang dilarang oleh keempat-empat mazhab berdasarkan larangan daripada hadis bahawa sebarang urusan niaga barangan yang tidak ada dan berkemungkinan tidak ada adalah tidak dibenarkan dalam Islam (Muhammad Fahim Khan, 1995; Zakariya Salamah, 2009).

Ketidakpastian (*gharar*) juga timbul dalam penyerahan subjek akad kerana harga yang dipersetujui semasa akad ditandatangani mungkin berubah di masa depan. Kedua-dua pihak berakad mempunyai pilihan untuk membatalkan perjanjian jika harga yang dipersetujui akhirnya tidak menguntungkan salah satu pihak. Ini disebabkan oleh kadar pertukaran mata wang yang bergantung pada nilai pasaran semasa. Pihak-pihak yang terlibat juga menghadapi risiko kredit jika salah satu pihak gagal memenuhi kewajibannya. Elemen *gharar* menjadi lebih ketara apabila berlaku kemungkiran oleh salah satu pihak. Hal yang demikian menurut Nordin (2014), Embong (2014) Wan Saifuldin (2014) terjadi adalah disebabkan ketiadaan pihak yang menjadi pengawal selia seperti mana pihak bursa dan rumah penjelasan mengawal selia kontrak niaga hadapan.

Riba

Selain itu, isu riba juga berlaku dalam *FX Forward* ini apabila kedua pihak yang berkontrak telah menentukan nilai pertukaran wang yang berbeza pada hari ini sedangkan pelaksanaan pertukaran tersebut pada masa hadapan. Transaksi ini jelas berlawanan dengan konsep pertukaran *al-sarf* yang menetapkan pertukaran mata wang kedua pihak perlu dilakukan secara lani. Hal ini juga ditegaskan lagi dengan ijmak ulama bahawa tidak sah pertukaran mata wang secara tangguh (Ahmad Muhy al-Din Ahmad, 1998). Hal ini berdasarkan hadis Nabi Muhammad SAW yang melarang jual beli emas dengan perak secara bertangguh:

نهى رسول الله عليه وسلم عن بيع الذهب بالورق دينا

Maksudnya: “Rasulullah SAW melarang menukar emas dengan perak secara berhutang (bertangguh).” (Hadis Riwayat al-Bukhari: 2180)

Transaksi yang terlaksana pada *FX Forward* yang melibatkan tempoh penyelesaian melebihi dua hari bekerja iaitu sebulan, dua bulan, tiga bulan atau enam bulan ke hadapan adalah tidak diterima sebagai *qabd* yang diakui oleh syariah. Hal ini berlainan dari apa yang dipraktikkan oleh *FX Spot*, yang mana transaksinya menepati *qabd* berdasarkan *urf* (Ibn Taimiyyah, 1995). Oleh hal yang demikian, penyerahan mata wang pada T+2 adalah satu tempoh yang diakui sebagai tempoh penyelesaian dalam pasaran pertukaran asing antarabangsa. Maka, tempoh penyelesaian yang diambil oleh *FX Forward* yang melebihi itu tidak boleh dianggap sebagai *urf* dan pelaksanaannya selari dengan larangan dalam hadis dia atas.

Bay' al-Kali bi al-Kali

Seterusnya, timbul juga isu jual beli hutang dengan hutang dalam kontrak *FX Forward* ini apabila kedua pihak memeterai kontrak tetapi dalam masa yang sama, penyerahan mata wang masing-masing ditangguh ke masa akan datang, maka kedua-dua pihak saling menanggung hutang antara satu sama lain dan ini dapat dimaksudkan dengan jual beli hutang dengan hutang atau lebih dikenali sebagai *bay' al-kali bi al-kali* yang dilarang oleh Rasulullah SAW dalam hadis yang diriwayatkan Umar al-Khattab. Al-Syawkani (1999) turut menjelaskan bahawa hadis ini melarang jual beli hutang dengan hutang yang disepakati secara ijmak.

أن رسول الله صلى الله عليه وسلم نهى عن بيع الكالئ بالكالئ

Maksudnya: “Sesungguhnya Rasulullah SAW melarang jual beli secara hutang yang dibayar dengan hutang.”

Maysir

Berikutnya, unsur perjudian juga wujud dalam *FX Forward* apabila terdapat elemen *zero sume game*. Pada akhir kontrak, salah satu pihak yang terlibat akan mengalami kerugian manakala pihak yang lain akan memperoleh keuntungan. Keadaan ini terjadi apabila pasaran yang tidak menentu menyebabkan kedua-dua pihak terdedah kepada risiko kerugian. Dalam operasi *FX Forward*, pelanggan dan bank akan menetapkan kadar pertukaran mata wang untuk masa hadapan. Dalam situasi ini, kedua-dua pihak berhadapan dengan risiko keuntungan dan kerugian. Jika kadar pertukaran pada masa hadapan melebihi kadar yang telah dipersetujui sebelumnya, pelanggan akan mendapat keuntungan sementara bank akan menanggung kerugian. Sebaliknya, jika kadar pertukaran pada masa hadapan lebih rendah daripada kadar yang dipersetujui sebelumnya, bank akan memperoleh keuntungan manakala pelanggan akan mengalami kerugian.

FX Forward ini juga merupakan kontrak *mu'awadah* yang mana kedua pihak bersepakat untuk berjual beli mata wang yang dilakukan secara bertanggung dan kontrak ini tidak dibenarkan secara syarak. Kontrak ini juga tidak boleh dianggap sebagai salah satu bentuk perjanjian (*muwa'adah*) kerana apabila kedua pihak telah bersetuju, maka ia mengikat kedua pihak dan tidak boleh membatalkan kontrak ini walaupun salah satu pihak tertentu terpaksa

menanggung risiko kerugian (Majma' al-Fiqh al-Islami 1998). Ketidakhurusan kontrak *FX Forward* ini juga berdasarkan dalil *qat'i al-thubut wa al-dilalah* (jelas ketetapan dan petunjuk) dan hujah yang membenarkan *FX Forward* tidak dapat menyaingi hujah pengharamannya (Majma' al-Fiqh al-Islami 1998).

Kesimpulan

Pasaran pertukaran mata wang asing, khususnya kontrak *FX Forward*, memainkan peranan penting dalam perdagangan antarabangsa sebagai instrumen lindung nilai. Namun, pelaksanaannya menimbulkan beberapa isu syariah yang signifikan. Ini termasuk masalah *qabd* (penyerahan) kerana pertukaran mata wang ditangguhkan, elemen *gharar* (ketidakpastian) kerana subjek akad tidak wujud semasa kontrak dimeterai, pelanggaran prinsip *al-sarf* yang memerlukan pertukaran segera dalam transaksi mata wang, isu jual beli hutang dengan hutang (*bay' al-kali bi al-kali*) yang dilarang dalam Islam, serta potensi wujudnya unsur perjudian (*maysir*) kerana sifat *zero-sum game* dalam kontrak.

Para ulama dan sarjana Islam kontemporari berbeza pendapat mengenai keharusan *FX Forward*. Sebahagian menolak sepenuhnya kerana isu-isu syariah yang wujud, manakala sebahagian lain berpendapat ia boleh diterima dengan syarat-syarat tertentu. Walaupun *FX Forward* memberi manfaat dalam pengurusan risiko pertukaran mata wang, struktur dan pelaksanaannya masih perlu dikaji dan diperhalusi untuk memastikan kepatuhan kepada prinsip-prinsip syariah. Secara ringkasnya, kewujudan isu-isu syariah ini menjejaskan keharusan *FX Forward* dan menjadikan kontrak ini tidak patuh syariah. Namun begitu, sesetengah institusi perbankan Islam sudah menawarkan urus niaga alternatif yang mematuhi syariah kepada *FX Forward* ini antaranya melalui jual beli komoditi *murabahah* dan menggunakan konsep *wa'ad*.

Rujukan

- Abdul Rahman Shukor & Joni Tamkin Borhan. 2017. Amalan Pertukaran Asing Konvensional: Analisa Berdasarkan Perspektif Syariah Foreign Exchange in Conventional Banking Industry: An Analysis from Shariah Perspective. *Shariah Journal*, 25(3): 453-480.
- Abdul Rahman. 2003. The Permissible Gharar (Risk). *Classical Islamic Jurisprudence*. 16(2), 3-19
- Ahmad, Ahmad Muhy al-Din. 1998. al-Mudharabah fi al-Umlah wa al-Wasail al-masyru'ah li-Tajtanib Adraraha al-Iqtisadiyah. *Majallah Majma' al-Fiqh al-Islami*.
- Azlin Alisa Ahmad, Hailani Muji Tahir, Shofian Ahmad, & Mat Noor Mat Zain. 2012. Kontrak Hadapan Mata Wang Asing Menurut Islam Sebagai Mekanisme Lindung Nilai: Analisis Penggunaan Wa'd. *Islamiyyat*, 34, 33-43.
- Azlin Alisa Ahmad. 2020. *Lindung Nilai Islam Berasaskan Derivatif Menurut Syariah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bank Negara Malaysia. 1999. *Bank Negara Malaysia dan Sistem Kewangan di Malaysia: Perubahan Sedekad*. Bank Negara Malaysia.

- Ghuddah, Abu Sattar Abbu. 2007. *Buhuth fi al-Muamalat wa al-Asalib al-Masrafiyyah al-Islamiyah*. Majmu'ah Dallah al-Barakah. 8
- Hull, J.C. 2006. *Options, Futures and Other Derivatives* (Sixth Edition). Pearson Prentice Hall.
- Ibn Abidin. 1992. *Radd al-Muhtar a'la al-Durr al-Mukhtar*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn al-Mundhir, Abu Bakr, & Muhammad bin Ibrahim. 1999. *al-Ijma*. Maktabah al-Furqan.
- Ibn Taimiyyah. 1995. *Majmu'ah al Fatawa*. Majma' al-Malik Fahd li Tiba'ah al-Mushaf al-Syarif.
- Keputusan Majelis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti. 2006.
- Luca, Cornelius. 2000. *Trading in the Global Currency Markets*. New York Prentice Hall.
- Majma' al-Fiqh al-Islami al-Dawli. (t.t.). *Majma' al-Fiqh al-Islami al-Dawli*. Diambil 22 Juli 2024, <https://iifa-aifi.org/1679.html>, Diambil 22 Julai 2024.
- Majma' al-Fiqh al-Islami. 1998. *al-Mudharabah fi al-'Umlah, al-'Ard al-Ta'qib wa al-Munaqasyah*.
- Metzger. 2009. Measuring hedging effectiveness for derivatives. *The Journal of Government Financial Management*.
- Mohamad Hashim Kamali. 2000. *Islamic Commercial Law: An Analysis of Futures and Options*.
- Mohammad Hashim Kamali. 1996. Islamic Commercial Law : An Analysis of Futures. *The American Journal of Islamic Social Science*. 13(2), 197-245
- Mohd Daud Bakar. 1998. Pasaran Hadapan Komoditi Minyak Sawit Mentah: Perspektif Syariah. Dalam Kertas Kerja *Seminar Pakar Syariah Di Pan Pacific Legacy* (p.18)
- Mohd Daud Bakar. 2007. *Islamic Hedging Mechanism: Emerging Trend*.
- Mohd Daud Bakar. 2008. *Contracts in Islamic Commercial and Their Application in Modern Islamic Financial System*.
- Mohd Daud Bakar. 2008. Hedging Instruments in Islamic Finance. A Paper Presented to the *7th Conference of the Shari'ah Boards of Islamic Financial Institutions The Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI)* Kingdom.
- Mohd Hafiz Mohd Dasar, & Azlin Alisa Ahmad. 2019. Pelaksanaan Kontrak Foreign Exchange Swap (Fx Swap) Konvensional Pada Persepektif Syariah. *International Journal of Islamic Economics and Finance Research*, 2(1), 2636–9419.
- Mohidin Yahya. 1994. *Tukaran Asing dan Pasaran Wang, Teori dan Amalan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Akram Khan. 1998. Commodity Exchange and Stock Exchange in Islamic Economy. *The American Journal od Islamic Social Science*, 5(1), 91-114.
- Muhammad Fahim Khan. 1995. *Islamic Futures and Their Markets: With Special References to their Role in Developing Rural Financial Market*. Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank.
- Nadhirah Nordin, & Asmak Ab. Rahman. 2011. Isu-Isu Syariah Dalam Kontrak Derivatif: Satu Sorotan Literatur. *Jurnal Syariah*, 19(2), 163–186.
- Nor Fahimah, & Azlin Alisa Ahmad. 2008. Perjudian dan Spekulasi : Satu Perbandingan dari Perspektif Ekonomi Islam. Dlm. Ahmad, M.Y et. al (pnyt). *Isu Syariah & Undang-undang Siri 21*, hlm. 129-140. Bang

- Obaidullah. 1998. Financial Engineering With Islamic Options. *Islamic Economic Studies*. *Islamic Economic Studies*, 6(1), 73-85.
- Obiyathulla Ismath Bacha. 2000. Asia's currency crisis: between forex market inadequacies and currency vulnerability. In *Economic and Financial Imperatives of Globalization: An Islamic Response*.
- Obiyatulla Ismath Bacha. 2003. *Financial Derivative: Market and Application in Malaysia*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Obiyatullah. 1999. Derivative Instruments and Islamic Finance: Some Thoughts for a Reconsideration. *International Journal of Islamic Financial Services*. 1(1), 1-33.
- Ronald Macdonald. 1993. *Floating Exchange Rates: Theories and Evidence*. Routledge.
- al-Saati, Abdul Rahim. 2003. The Permissible Gharar (Risk) in Classical Islamic Jurisprudence, *Journal of King Abdul Aziz University: Islamic Economics*, 6(2): 3-19.
- Salamah, Zakariya. 2009. *al-Athar al-Iqtisadiyah li al-'Aswaq al-Awraq al-Maliyah min Manzur al-Iqtisad al-Islami*. Dar al-Nafais.
- Smolarski. 2006. Permissibility and Use of Options for Hedging Purposes in *Islamic Finance*. 425-443.
- Al-Syawkani. 1999. *Nayl l-Awtar Syarh Muntaqa al-Akhbar*. Maktabah al-Iman.
- Taqi Usmani. 1999. What Syariah Experts Say Futures, *Options and Swap*. 1(1), 1-3.
- Wan Mansor Wan Mahmood. 1993. *Urus Niaga Pertukaran Mata Wang Asing*. Dewan Bahasa dan Pustaka.